



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN MENDAPATKAN TAULIAH MENGAJAR UGAMA, MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI

A. PEMOHON:

1. Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon warganegara luar negeri hendaklah berkhidmat di mana-mana sektor swasta di Negara ini dengan memegang jawatan Guru Bahasa Arab / Guru Al-Quran sahaja.
3. Pemohon hendaklah berumur 18 tahun ke atas;
4. Pemohon memiliki kesihatan yang baik;
5. Pemohon hendaklah tidak pernah dikenakan/disabitkan sebarang kesalahan jenayah oleh Mahkamah Syariah / Mahkamah Sivil.

B. KATEGORI PERMOHONAN TAULIAH MENGAJAR UGAMA:

Kategori permohonan Tauliah Kebenaran Mengajar Ugama adalah seperti berikut:

1. Tauliah Kebenaran Mengajar Al-Quran;
2. Tauliah Kebenaran Mengajar Ugama;
3. Tauliah Kebenaran Berceramah Ugama.

C. SYARAT PERMOHONAN TAULIAH

1. Syarat Tauliah Kebenaran Mengajar Al-Quran

- (i) Mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU), Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) yang sebanding dengannya;
- (ii) Pernah mengikuti pengajian al-Quran yang diperakui atau pengajian talaqqi al-Quran; atau



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN MENDAPATKAN TAULIAH MENGAJAR UGAMA, MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI

- (iii) Boleh membaca Al-Quran dengan fasih dan lancar yang menepati hukum tajwid;
- (iv) Mempunyai ilmu pengetahuan asas fardhu ain dan fardhu kifayah yang kukuh.

2. Syarat Tauliah Kebenaran Mengajar Ugama:

- (i) Mempunyai kelulusan tertinggi dalam pengajian bidang keagamaan sekurang-kurangnya Diploma Perguruan Ugama.
- (ii) Boleh membaca Al-Quran dengan fasih dan lancar yang menepati hukum tajwid;
- (iii) Mempunyai ilmu pengetahuan asas fardhu ain dan fardhu kifayah yang kukuh.
- (iv) Mempunyai pengetahuan kerasmian dengan adat istiadat, kebudayaan dan amalan-amalan lazim yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam.

3. Syarat Tauliah Kebenaran Berceramah Ugama:

- (i) Mempunyai kelulusan tertinggi dalam pengajian bidang keagamaan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda.
- (ii) Boleh membaca Al-Quran dengan fasih dan lancar yang menepati hukum tajwid;
- (iii) Mempunyai ilmu pengetahuan asas fardhu ain dan fardhu kifayah yang kukuh.
- (iv) Mempunyai pengetahuan kerasmian dengan adat istiadat, kebudayaan dan amalan-amalan lazim yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam.



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN MENDAPATKAN TAULIAH MENGAJAR UGAMA, MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI

D. BORANG PERMOHONAN:

- Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan menyertakan dokumen-dokumen berikut:
 - (i) 1 keping gambar terkini berukuran pasport berwarna [bertudung bagi pemohon perempuan dan pakaian cara melayu/mib (berkolar) dan bersongkok bagi pemohon lelaki]
 - (ii) Salinan kad pengenalan / pasport yang jelas;
 - (iii) Salinan dokumen Sijil-Sijil akademik serta transkrip keputusan;
 - (iv) Salinan LPA [bagi guru yang berjawatan Guru Al-Quran / Bahasa Arab dari kalangan warga luar negeri yang berkhidmat di sekolah-sekolah swasta / kelas-kelas bimbingan]
- Bagi permohonan memperbaharui Tauliah hendaklah dibuat dalam tempoh 6 bulan sebelum tempoh tamat Tauliah.
- Permohonan yang dihadapkan kepada Jabatan Majlis Ugama Islam adalah dianggap pemohon telah bersedia untuk menjalani ujian temuduga pada tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.
- Borang permohonan boleh didapati di Pejabat Jabatan MUIB, Tingkat 3, Bangunan Tambahan, KHEU.
- Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada Pejabat Jabatan MUIB, Tingkat 3, Bangunan Tambahan, KHEU

Disediakan oleh:
Jabatan Majlis Ugama Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.